

# **AGAMA BAHARU - AGAMA TIDAK BERAGAMA**

## **MANUSIA TIDAK DAPAT HIDUP DENGAN TIDAK BERAGAMA ATAU BERKEPERCAYAAN**

Orang yang telah meninggalkan agama yang kemudiannya telah menamaka dirinya tidak beragama itu pada hakikatnya bukanlah membuat agama tetapi mengganti agamanya yang lama dengan agama baharu yang namanya agama tidak beragama.

(oleh Menteri Agama Indonesia Kiyai Haji Abdul Wahid Hasyim)

(dipetik dari majalah Bintang, Medan)

Manusia pada masa ini sedang menghadapi suatu saat yang sulit benar. Manusia yang dijadikan Allah Subhanahu wa Taala di dalam keadaan bentuk yang sebaik-baiknya pada masa ini telah berubah menjadi manusia yang lain daripada dahulu. Ia dijadikan Allah di dalam keadaan dan bentuk yang sebaik-baiknya ; ia tidak diberi sayap yang dapat digunakannya terbang seperti burung tetapi ia diberi untuk menjadikan ia boleh terbang lebih cepat dan lebih tinggi daripada burung itu bahkan di dalam penerangan itu ia tidak mustahak bersusah payah mementingkan diri.

Dia tidak diberi paru-paru seperti ikan dan kerana itu ia tidak dapat hidup di dalam air, tetapi ia diberi oleh Allah tenaga otak yang membolehkan ia menyelam lebih cepat dan lebih kuat daripada ikan. Ia diberi juga kaki yang sangat lemah jika dibandingkan dengan kaki kuda ; tetapi otaknya pemberian Allah itu membolehkan ia mencapai kecepatan yang lebih deras daripada lari kuda.

Dengan demikian maka dengan otaknya itu manusia telah memakmurkan dunia; semuannya beban yang berat telah dijadikannya ringan; semua jarak yang jauh menjadi dekat ; dan semua keperluan hidup telah diubahnya daripada kepayaan menjadi kesenangan. Kehidupan yang dahulunya sederhana telah dibuatnya bermacam-macam ragam supaya menambah nikmat dan keelokkan. Perhubungan antara sesama manusia yang dahulunya tidak tertentu telah diadakan peraturan dan kebiasaan. Kebiasaan bermusuh-musuhan yang didasarkan kebencian seperti

dahulu telah dilembutkan dan dialirkkan ke arah perlumbaan yang sihat. Nilai diri manusia kebanyakannya dahulunya diukur dengan rata dan ditentukan rendah tingginya menurut kesanggupan dan kegunaannya ; dan itu pun menambah asyik orang untuk perlumbaan mengejar kesempurnaan.

## **SOMBONG DENGAN OTAKNYA**

Semua hal yang tersebut berjalan dengan baik dan teratur kerana sekalian manusia tunduk pada yang mengatur. Mereka mengakui bahawa di atas mereka semuanya ada Dia yang satu yang mengatur; dan mereka suka tunduk kepada aturan-aturan yang dibuat itu atau ditentukan olehnya (pengatur) hanya sanya keinsafan kepada adanya Maha Pengatur itu tidak berjalan terus oleh kerana manusia yang telah merasa sempurna kepadanya telah somborg dengan menyangka dirinya mempunyai tenaga yang besar yang tidak berbatas. Jika perasaan atau langkah somborg itu ditujukan selain daripada alam manusia masih boleh diharap akan kesudahan yang baik. Tetapi langkah somborg itu ditujukan kepada sesama manusia dengan jalan "mendewakan" otak dan fikirannya sendiri terutamanya terhadap kepada sesama manusia. Ia menyangka bahawa semua hal kehidupan boleh dipecahkan dengan otaknya; dan perkataan kosong jua orang yang mengatakan otak manusia ada mempunyai batas atau sempadan yang tak dapat dilaluinya. Agama dan kepercayaan yang memberi batasan kepada otak dengan cara diam-diam telah ditolaknya; pada zahirnya memang ia tidak menolaknya kerana segan dan malu akan tetapi di dalam batinnya

ia menolak. Ia menolak agama dan kepercayaan kerana ia memberi batasan antara fikiran yang sihat dan hawa nafsu. Ia, si manusia telah membuang perkataan Pelatur (ahli fikir Perancis) "Apabila seseorang mempunyai kebijaksanaan maka hawa nafsunya akan membantu menguatkan otaknya dan apaila kebijaksanaannya itu tidak ada lagi maka otaknya akan membantu hawa nafsunya".

Ia membuang perkataan "Pelatur" itu kerana terlebih dahulu telah ada keputusan kata di dalam hatinya bahawa sangat berat baginya meninggalkan hawa nafsu mengikut kebenaran. Dengan tertolaknya agama dan kepercayaan itu di dalam kebanyakan perkara maka tercabutlah batas antara buah fikiran yang sihat dan hawa nafsu. Orang lain yang sesungguhnya tidak lain daripada saudaranya sesama manusia telah dipandangnya seperti musuh. Dalam hati kecilnya ia mengaku kebenaran bahawa mereka itu adalah saudaranya sesama makhluk tetapi hawa nafsunya telah menjadikannya membuta tuli. Perlumba-perlumbaan telah mulai – jika dahulunya perlumbaan itu sihat bagi mencapai kesempurnaan hidup tetapi sekarang perlumbaan itu tidak sihat lagi dan tujuannya pun tidak lagi kepada kesempurnaan hidup sesama manusia akan tetapi ia mencari kemenangan bagi faedah dirinya sendiri serta golongannya.

## BERLUMBA-LUMBA MENGEJAR KEMENANGAN

Bagi mencapai kemenangan itu ia tidak mengendahkan lagi adakah ia akan membunuh atau mematikan saudaranya sesama manusia atau tidak. Bahkan disebalik membunuh saudaranya itu, orang ketiga, iaitu mereka tidak menjadi lawan atau kawan telah terikat menjadi korban bahkan korban kepada orang yang ketiga ini lebih besar dan lebih baik. Ia menggunakan segala tenaga otak menyifatkan alat kelengkapan perang melawan saudaranya yang dipandangnya menjadi musuhnya. Senjata-senjata yang belum pernah dihayalkan oleh pemabuk madat telah dibuat dan setelah dapat senjata yang dahsyat penanganannya lalu dicuba mencari senjata yang lebih hebat lagi.

Dalam perperangan yang lalu sebiji bom telah meletup dan

mengorbankan 250,000 orang tetapi sekarang di pandang jauh daripada memuaskan. Bagi usahanya di lapangan didikan, pengetahuan dan adabiyah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menentukan piagam yang di antaranya : "Oleh kerana perperangan itu babitnya mulai tumbuh dari dalam otak manusia maka sendi-sendi mempertahankan perdamaian harus di tanam pada otak manusia pula."

Rupanya piagam yang merupakan semboyan itu tidak berupaya lagi menahan kekejaman manusia setelah ia sendiri mengangkat dinding batas antara buah fikiran sihat (kebenaran) dan hawa nafsu. Manusia pemelihara persaudaraan dahulu itu berubah menjadi manusia pencari kemenangan. Dapatkan manusia mencari kemenangan itu baik menjadi manusia pemelihara persaudaraan setelah ia dipengaruhi oleh sikap sombong itu? Dalam perkara ini riwayat sahaja yang akan menentukannya kelak.

Marilah kita lihat akan terjadikah atau tidak kepada manusia sebagai firman Allah di dalam Al-Quran yang maksudnya: "Sesungguhnya misal hidup di dunia seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit lalu menghidupkan tumbuhan-tumbuhan di bumi yang menjadi makanan manusia dan haiwan hingga apabila bumi telah mengembangkan keindahan dengan tanaman-tanamannya (kecantikannya) hingga penduduknya (manusia) menyangka bahawa ia berkuasa memetik buahnya hingga pada ketika itulah datang hukuman (perintah) kami pada masa malam atau pun siang maka Kami jadikan bumi itu padang tandus tidak seperti semalam lagi. Demikianlah Kami menerangkan ayat-ayat Kami kepada kaum yang suka memirkannya."

- (Surah Yunus ayat 24)

## MEMIKAT DENGAN AGAMA

Demikianlah halnya manusia pada masa ini. Suatu keadaan yang harus menjadi perhatian manusia Indonesia. Tidak berkejayaan manusia yang telah menjadikan agama dan kepercayaan itu sekadar untuk pengikut dan penarik bagi mencari kawan di dalam menghadap lawan itu hendaklah menjadi pengajaran bagi manusia di Indonesia. Menggunakan

agama bagi sesuatu maksud yang tidak ditujukan kepada arah Allah S.W.T. (kerana Allah) tidak akan bermanfaat baik yang menggunakan atau pun bagi orang yang terpikat olehnya bahkan akan merosakkan dirinya sendiri seperti api membakar orang yang mempermain-mainkannya.

Bagi manusia Indonesia hendaklah menjadi pengajaran bahawa keenggan menerima kebenaran itu menerima buah fikiran yang sihat bermakna memenangkan hawa nafsu terhadap kepada fikiran yang sihat. Akibat seterusnya seperti yang telah dirasa oleh manusia dunia ialah timbulnya sifat sompong terhadap kepada ketentuan-ketentuan dan sempadan-sempadan yang telah diletakkan oleh Allah Subhanau Wa Taala. Sifat yang demikian ini telah mendorong manusia mencari kemenangan sesama mereka yang dengan khilaf dipandang sebagai musuh. Sudah tentu kemahuan mendapatkan kemenangan demikian itu akan dibalas oleh pihak lain dengan kemahuan yang sama.

Kita harus menggunakan ajaran yang pernah dibentangkan oleh Nabi Muhammad (SAW) : “*Al-insan ikhwa al-insan uhni au kuraha*” - maksudnya – “manusia sesama manusia itu bersaudara, baik ia suka ataupun ia benci”. Tiap-tiap seorang hendaklah memandang tidak ada orang yang merupakan musuh. Yang demikian ini tidak bermakna bahawa manusia harus menyerah sahaja kepada perbuatan dan kelakuan orang lain dengan semahu-mahunya perbuatan yang demikian hendaklah diperbaiki dengan kebijaksanaan. Hanya pandangan dan pertentangan yang telah mengubah manusia menjadi serigala kecil dan sebangsanya itu janganlah digunakan.

Akhirnya hendaklah diingat menurut bawaan manusia tak boleh hidup dengan tidak mempunyai agama atau kepercayaan. Yang demikian ini terbukti dalam bangkitan orang Perancis yang berlaku atas seorang pendita. Ia telah tertarik dengan dakyah-dakyah anti Tuhan yang dihebahkan oleh penganjur-penganjur pada masa itu. Ketika telah masuk betul di dalam hatinya bahawa Tuhan itu sebenarnya tidak ada dan agama itu adalah perkataan yang kosong jika maka ia pun mula bergerak membersihkan bilik kerjanya daripada gambar-gambar dan patung-patung salib, tetapi kejadian itu tidak lama kerana setelah

tempat-tempat gambar dan patung tadi kosong maka hati pendita itu pun menjadi kosong pula dan akhirnya ia mencari gambar dan patung-patung pemimpin kebangkitan Perancis seperti Dantun dan lain-lainnya bagi digantung di bekas tempat gambar-gambar dan patung-patung salib tadi.

Dengan ini nyatalah bahawa orang yang meninggalkan (membuang) agama dan menamakan dirinya tidak beragama itu pada hakikatnya bukanlah membuang agama jika menggantikan agamanya yang lama dengan yang baru yang namanya agama tidak beragama.

Penyudahnya saya menyeru kepada manusia Indonesia khasnya hendaklah saudara menjadi orang yang sesungguhnya beragama menjalankan perintah-perintahNya dan menjauhi larangan-laranganNya dengan masing-masing mengikut kepercayaan dan keyakinan.

## ISTERI

Ingatan baik sedia terpeta

I Apa yang patut boleh dipinta

I Apa sebaliknya jangan dicita

I Itulah perangai penyokong lata

S Setia ke suami sentiasa tergalas

S Segala pekerjaan hendaklah jelas

S Sekali-kali jangan culas

Serta jauhkan fil pemałas

T Tumpukan kasih ke suami tepat

T Tenangkan suami di sekalian tempat

T Tutup rahsianya hingga rapat

T Tunjang kesenangan kamu mendapat .

R Runtunan cecita hendaklah disabar

R Ratakan kehormatan ke mertua dan ipar

R Rancangan yang molek jangan digubur

R Rasa tak sedap perlahan dipapar .

Y Yakin ke suami kekal di hati.

Y Yang mana elok itulah didekati

Y Yang buruk jauhkan hingga ke mati

Y Yang benar agama itulah turuti.

Harun. D.L. Singapura.